

16 JAN 2000

Syed Razak-UMNO

MB KEDAH YAKIN SEMUA 15 BAHAGIAN UMNO SETUJU NASIHAT MT

ALOR SETAR, 16 Jan (Bernama) -- Badan Perhubungan UMNO Kedah yakin ke semua 15 bahagian di negeri ini akan bersetuju supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO tidak dipertandingkan, kata Pengerusinya, Datuk Syed Razak Syed Zain.

Syed Razak, yang juga Menteri Besar Kedah berkata, persetujuan itu akan diketahui minggu depan apabila badan itu mengadakan mesyuarat jawatankuasanya.

"Kita akan mesyuarat minggu depan bagi mendapat pandangan bahagian-bahagian mengenainya, tetapi saya yakin bahagian-bahagian UMNO di sini akan bersetuju mematuhi nasihat Majlis Tertinggi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran lukisan Korea Utara di sini, malam tadi.

Ini merupakan mesyuarat pertama badan itu sejak Syed Razak dilantik sebagai pengerusinya ekoran pelantikan beliau sebagai Menteri Besar Kedah yang baru selepas pilihan raya umum tahun lepas.

Syed Razak berkata, beliau bersetuju dengan cadangan MT supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dipilih sebagai presiden dan timbalan presiden UMNO tanpa pertandingan pada pemilihan parti Mei ini.

Syed Razak juga turut menyatakan beliau buat masa sekarang tidak berminat untuk menawarkan diri bertanding untuk pemilihan sebagai anggota Majlis Tertinggi (MT).

"Segala-galanya bergantung kepada mesyuarat nanti, tapi saya tidak mementingkan sangat mengenai pertandingan dan jawatan itu, kerana sebagai pengerusi badan perhubungan negeri saya juga merupakan anggota MT," katanya lagi.

Bagaimanapun, katanya, anggota-anggota UMNO di negeri ini bebas untuk menawarkan diri bertanding sebarang jawatan, tiada sekatan jika mereka mahu kerana itu adalah hak mereka.

Beliau sendiri tidak dapat menyuarakan pendapat untuk menghadkan beberapa anggota dari Kedah untuk bertanding jawatan dalam MT.

"Kita tengoklah nanti dalam mesyuarat perhubungan nanti, apa keputusannya kita patuh," katanya,

-- BERNAMA

MN AR